

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 APRIL 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Reka bentuk antara kunci kejayaan transformasi negara	Utusan Malaysia
2.	Bidang rekabentuk jana ekonomi negara	Berita Harian Online
3.	Proton Perdana terima Anugerah <i>Malaysia Good Design Mark</i>	Utusan Malaysia
4.	Proton Perdana terima anugerah rekaan terbaik	Kosmo
5.	Make water everyone's business	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 20 APRIL 2017 (KHAMIS)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) bersama para penerima pengiktirafan Malaysia Good Design Mark 2016 di Pusat Konvensyen Shah Alam, Shah Alam semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Reka bentuk antara kunci kejayaan transformasi negara

SHAH ALAM 19 April - Bidang reka bentuk diyakini mampu memainkan peranan besar bagi merealisasikan hasrat kerajaan melaksanakan transformasi negara dalam pelbagai sektor pada masa depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, bidang itu merupakan salah satu kunci kepada kemajuan sesebuah negara kerana ia dijana melalui perkembangan idea serta aspirasi rakyat melibatkan sesuatu perka-

ra sama ada dalam sektor ekonomi, teknologi, kemasyarakatan, budaya dan alam sekitar.

Malah katanya, perkembangan bidang itu turut bertepatan dengan usaha kerajaan melaksanakan Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan terbaik di dunia dalam tempoh 30 tahun akan datang.

"Di Singapura sebagai contoh, bidang reka bentuk sendiri menyumbang RM6.7 bilion nilai Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) republik itu selain menjana 30,000 peluang pekerjaan pada tahun 2013 dan saya percaya Malaysia juga ada kemampuan yang sama," katanya dalam majlis pengiktirafan Malaysia Good Design Mark (MGDM) 2016 di Shah Alam Convention Center (SACC) di sini malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

MGDM merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan mela-

lui Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) bagi memperakui serta mengiktiraf pencapaian sektor perindustrian melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berterusan dalam mempertingkatkan produk baharu.

Dalam majlis itu, sebanyak 32 produk hasil rekaan dan keluaran daripada 22 syarikat tempatan berjaya menerima pengiktirafan dengan Panasonic Malaysia muncul sebagai syarikat yang menerima Anugerah Khas MGDM 2016.



Bidang Rekabentuk Jana Ekonomi Negara

SHAH ALAM: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yakin bidang reka bentuk berperanan penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan mencetus aspirasi rakyat melalui Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau, berkata bidang reka bentuk menentukan bidang transformasi termasuk ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan dan alam sekitar.

"Rakyat Malaysia perlu menyedari kepentingan bidang reka bentuk dalam memastikan kita menjadi negara maju.

"Pelbagai usaha dan inisiatif dipacu oleh kerajaan untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara demi memastikan masyarakat Malaysia hidup dalam harmoni dan sejahtera," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, pada Majlis Pengiktirafan Malaysia Good Design Mark 2016 (MGDM), malam ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin serta Ketua Juri MDGM, Prof Madya Dr Ahmad Hariri Abdullah.

Madius berkata, bidang reka bentuk mampu menjana keuntungan terhadap ekonomi negara maju seperti Singapura yang merekodkan sektor itu menjana SGD 13 bilion (RM41 bilion) dan 30,000 peluang pekerjaan pada 2013.

Katanya, MOSTI melalui MRM terus komited memastikan jenama produk rekaan Malaysia setanding dengan produk lain di peringkat antarabangsa.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 20 APRIL 2017 (KHAMIS)

Proton Perdana terima Anugerah Malaysia Good Design Mark

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 April - Proton Holdings Berhad mengumumkan Proton Perdana serba baharu telah diiktiraf dalam Anugerah Malaysia Good Design Mark oleh Majlis Reka Bentuk Malaysia (MDC).

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Ahmad Fuaad Kenali berkata, Perdana serba baharu yang telah dilancarkan secara rasmi pada 14 Jun tahun lalu telah menerima pengiktirafan tersebut berdasarkan reka ben-

tuk terbaik bagi produk lengkap yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh tenaga tempatan.

Katanya, kejayaan tersebut membuktikan keupayaan Proton dalam mereka bentuk dan menghasilkan kereta mampu milik serta berdaya saing bagi keselesaan pengguna.

"Kami sangat teruja dengan pengiktirafan daripada MDC kepada model Perdana yang merupakan penghargaan kepada usaha berterusan dalam pembangunan kereta tersebut.

"Anugerah ini tentunya menyuntik semangat kepada Proton

untuk bekerja lebih keras dalam menyediakan kereta dengan rekaan dan kejuruteraan yang lebih baik kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Anugerah tersebut dimenangi Perdana untuk kategori Kawasan Umum dan Kenderaan yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Radzaif Mohamed pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam semalam.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Malaysia Good Design Mark kepada Radzaif Mohamed sambil disaksikan Pengerusi MDC, Datuk Prof. Dr. Ahmad Zainuddin (kiri) dan Ketua Pereka Bentuk Proton, Azlan Othman (dua dari kanan) di Shah Alam, kelmarin.

Proton Perdana terima anugerah rekaan terbaik

KUALA LUMPUR - Model Perdana serba baharu keluaran Proton Holdings Bhd. (Proton) baru-baru ini merangkul anugerah Malaysia Good Design Mark (MGDM) daripada Majlis Rekabentuk Malaysia (MDC).

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Ahmad Fuaad Kenali berkata, anugerah tersebut adalah untuk kategori Kawasan Umum dan Kenderaan.

Ujar beliau, pihaknya amat berbesar hati menerima pengiktirafan tersebut yang membuktikan keupayaan Proton dalam membuat rekaan dan menghasilkan kereta mampu milik serta berdaya saing kepada pengguna.

"Banyak lagi ruang yang perlu dipertingkatkan dan anugerah ini tentunya menyuntik semangat kepada Proton untuk bekerja lebih keras dalam menyediakan kereta dengan rekaan dan kejuruteraan yang

lebih baik kepada pelanggan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Perdana, yang dilancarkan secara rasmi pada 14 Jun 2016, mendapat pengiktirafan tersebut berdasarkan reka bentuk terbaik produk lengkap yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh tenaga tempatan.

Menerusi penganugerahan berkenaan, Perdana kini sebaris dengan model Satria Neo dan Persona generasi sebelum ini yang telah mendapat anugerah sama daripada MDC pada tahun 2007.

Sementara model Iriz menerima pengiktirafan MDC pada 2014.



PERDANA diiktiraf berdasarkan rekaan terbaik yang dibangunkan dan dihasilkan tenaga tempatan.

Make water everyone's business

DROUGHTS in Malaysia have become more common nowadays. Experts recently warned of another El Nino towards the end of 2017. Water shortage will again rear its ugly head. The 1998 water crisis serves as a grim reminder of the chaos created. Domestic water supplies were seriously interrupted. Rationing was unavoidable. Many industries suffered considerable losses. Droughts had also disrupted irrigation. Crop failures caused hardships to many farming families. Palm oil production will again suffer during times of water deficiencies.

It is ironic that Malaysia, blessed with 2,500mm rainfall annually, should experience water shortages. Population growth, urbanisation, industrialisation, and irrigated agriculture have all created the growing thirst for water. More water use has also led to rising incidence of water pollution. But critics claim past approaches towards management have been largely sectoral, and very much supply-driven. Future demands for water were mostly projected through unrealistic scenarios. The typical responses have been merely adding supply through new or upgraded infrastructure.

A case in point is the Klang river basin. Studies confirmed that surface water resources development there has reached a limit. So much so it became necessary to imple-

Safe water is necessary for human consumption and to sustain life. Planning for water security therefore calls for a holistic approach.

ment inter-basin transfers from the adjoining Langat and Selangor rivers, and more recently resorting to inter-state water transfers from Pahang to Selangor. Malaysia has yet to fully incorporate water demand strategies in managing its water resources. Alternate water resources, principally groundwater, remain under-exploited except for Kelantan which has for decades depended on it.

According to reports, Malaysia has formally adopted the Integrated Water Resources Management (IWRM) as the way to sustainably manage its water resources. The National Water Resources Council, established in 1998, has provided a forum for a holistic approach in the planning and management of water resources.

However, the implementation of IWRM to-date has been rather disappointing. This is largely due to the lack of effective mechanisms for inter-Ministry dialogue and for greater federal-state cooperation considering that ownership of waters rests with the states.

Water is essentially a finite and renewable resource. It is found in many places as part of the water cycle. Water is found in lakes and reservoirs, in flowing rivers and also as groundwater. Not to mention wastewater coming from industries or the households. Safe water is necessary for human consumption and to sustain life. Planning for water security therefore calls for a holistic approach. This includes both preventive and curative measures. Sources of water supply need not be limited to surface waters. Groundwater and even wastewater need to be explored for use. For greater utilisation efficiency, a combination of both supply and demand measures need to be undertaken while ensuring that all sources of water are not unduly degraded.

IWRM is akin to the current concept of the green economy. Sustainable solutions must be grounded on good science. Their strategic application should be driven by appropriate technologies. Hence, Continuous S&T knowledge acquisition and research is vital to understand the

many processes related to the water environment. This is not only for assessing water and its ecosystem, but also in implementing the supply-side infrastructural development works, water and wastewater treatment facilities, and demand-side innovative technologies and practices. Adaptation measures to deal with the impacts of climate change need to be also addressed.

Water related research in Malaysia has been rather ad-hoc. With limited capacity and minimal funding, some research is being undertaken at the National Hydraulic Research Institute of Malaysia and at some Institutions of Higher Learning. S&T needs on water issues are multi-disciplinary and hence the focus should be on coordinated research. The Academy of Sciences Malaysia has an active Water Committee which has provided guidance to Malaysia's water programme. It requires adequate funding and the deployment of appropriate human resources and it requires the implementation of a wide array of both preventive and curative measures involving multi-stakeholders. It is about "making water everyone's business".

**PROF DATUK DR AHMAD
IBRAHIM**
Fellow
Academy of Sciences Malaysia